



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

USAHA PROAKTIF DALAM MENGUATKUASAKAN AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983 PENGGAL 151

Tarikh: 11hb Februari 2023

1. Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi bergiat proaktif dalam menguatkuasakan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dengan mengadakan perkhidmatan pengujian mudah alih dan lawatan pemeriksaan tidak berjadual di beberapa buah pasar dan tamu di Daerah Brunei Muara dan Daerah Tutong pada bulan Januari dan awal bulan Februari 2023.
2. Daripada usaha yang dijalankan di Tamu Kianggeh, Pasar Gadong dan Pasar Tani Satenaga Kampong Selayun, Unit SDT telah mendaftarkan sebanyak lima puluh lapan (58) unit, mengeluarkan satu (1) Notis Peringatan kerana gagal mematuhi Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 disebabkan penggunaan alat sukat dan timbang yang telah mansuh pendaftaran. Pemilik alat berkenaan dikehendaki memperbetulkan isu tersebut dan hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan.
3. Individu-individu dan/atau perniagaan yang ingin mendaftarkan alat sukat dan timbang boleh mendaftarkan alat-alat berkenaan di pejabat Unit SDT mengikut tадahan tempat tinggal seperti berikut:

Daerah Brunei Muara	Daerah Tutong	Daerah Belait	Daerah Temburong
Bangunan Pusat Standard Kebangsaan, B19, Simpang: 32-15, Kampong Anggerek Desa. Talian: 233 3964	Rumah Kelas C, PWD No.380, Jalan Sungai Basong, Tutong. Talian: 422 1516	Aras Bawah, Bangunan-Bangunan Kerajaan, Jalan Carey, Kuala Belait. Talian: 333 1523	Aras Bawah, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Temburong. Talian: 522 1469

4. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian 233 4092.



PRESS RELEASE

MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

PROACTIVE EFFORTS WITH REGARDS TO THE WEIGHTS AND MEASURES ACT 1983 CHAPTER 151

Date: 11th February 2023

1. Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) under Ministry of Finance and Economy continues to ensure relevant stakeholders abide by the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 by conducting mobile station verification services and spot checks at several pasar and tamu in Brunei Muara and Tutong Districts in January and early of February.
2. From such efforts conducted at Tamu Kianggeh, Pasar Gadong and Pasar Tani Satenaga Kampong Selayun, SDT Unit registered fifty-eight (58) units, issued one (1) Reminder Notice for failure to comply to Weights and Measures (Verification) Regulations 1994 due to use of a weighing machine with an expired validity date. The trader was required to rectify the issue and present themselves to SDT Unit's Office within seven (7) working days from the date the notice was issued.
3. Individuals and/or businesses who wish to register and verify their weighing and measuring machines can do so at the following SDT Unit offices according to their area of residence:

Brunei Muara District	Tutong District	Belait District	Temburong District
Pusat Standard Kebangsaan Building, B19, Simpang: 32-15, Kampong Anggerek Desa. Tel. No.: 233 3964	Rumah Kelas C, PWD No.380, Jalan Sungai Basong, Tutong. Tel. No.: 422 1516	Ground Floor, Government Buildings, Jalan Carey, Kuala Belait. Tel. No.: 333 1523	Ground Floor, Government Departments, Temburong District. Tel. No.: 522 1469

4. For any enquiries, the public may contact SDT, MOFE via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 233 4092.

**PROAKTIF DALAM MENGUATKUASAKAN
AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983 PENGGAL 151**



**PROAKTIF DALAM MENGUATKUASAKAN
AKTA SUKATAN DAN TIMBANGAN 1983 PENGGAL 151**

